

SELANGOR

Bijak imbangi alam sekitar dan pembangunan ekonomi

PENYOKONG dan penentang nyahwarta Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) mengambil pendirian terlalu kaku berbanding usaha mencari titik tengah. Datuk Seri Wong Chun Wai mengajak kita semua berfikir isu ini dengan lebih luas dan menimbang pelbagai sudut persoalan.

Tulisan ini diterbitkan tiga hari sebelum keputusan Kerajaan Negeri membatalkan nyahwarta HSKLU pada 8 September.

Keputusan Kerajaan Selangor menyahwarta sebahagian besar hutan untuk pembangunan sememangnya tidak popular dan Dato' Menteri Besar terpaksa berhadapan pelbagai soalan yang dilontarkan mengenainya.

Tambahan pula ketika ini pilihan raya umum semakin dekat dan Parti Keadilan Rakyat yang mengepalai Kerajaan Negeri tentunya sedar akan sentimen pengundi bandar berhubung perkara berkenaan.

Dato' Seri Amirudin Shari kini berada pada kedudukan tidak menyenangkan dalam menguruskan tekanan dari pelbagai sudut susulan cadangan menyahwarta Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) bagi tujuan pembangunan.

Lebih mudah bagi Dato' Menteri Besar jika keputusan sama dibuat di Pahang atau Kelantan memandangkan kedua-dua negeri itu mempunyai kawasan hutan lebih luas.

Bagaimanapun bagi penduduk bandar amat sayangkan hutan, mengangkat perjuangan alam sekitar dengan penuh ghairah.

Badan bukan kerajaan dan aktivis alam sekitar menunjukkan rasa kurang senang terhadap langkah menyahwarta hutan berkenaan.

Keadaan itu semakin membahang apabila syarikat awal itu dikatakan ada hubungan dengan istana, meski ia sudah ditutup, sementara sebuah syarikat dari Sarawak pula turut berminat dengan tanah berkenaan.

Syarikat terbabit dijangka menerima 495 hektar tanah, daripada cadangan awal 931.17 hektar, untuk dimajukan kepada pembangunan bercampur.

Walaupun pelbagai cerita disajikan, senantiasa ada kisah lain di sebalik isu ini. Penyokong nyahwarta berhujah laporan perunding Universiti Putra Malaysia (UPM) mencadangkan hutan simpan ganti lebih besar, seluas 1,058 hektar berbanding HSKLU seluas 991.5 hektar.

Kawasan hutan ganti berkenaan terletak di Sabak Bernam (308 hektar), Hulu Selangor (207 hektar) dan Hulu Langat (63 hektar).

Namun, kontroversi utama bermula daripada tanggapan kononnya komuniti Orang Asli mungkin akan dipindahkan.

Orang Asli terbabit wajar mendapat layanan lebih baik apabila empat kampung berdekatan HSKLU akan diwartakan dan diberikan hak milik tanah yang mereka duduki selama beberapa tahun.

Rizab Orang Asli

Penduduk Kampung Orang Asli Busut Baru masih belum mendapat hak milik apabila mereka dipindahkan dari kawasan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA walau dahulu mereka pernah dijanjikan tanah seluas 404 hektar.

Malah penduduk kampung-kampung lain juga menunggu lebih lama untuk mendapat apa yang dijanjikan kepada mereka.

Selama 27 tahun, penduduk kampung Orang Asli terbabit tidak pernah mendapat apa yang dijanjikan atau hak milik tanah.

Ke mana perginya orang-orang yang memperjuangkan nasib mereka selama ini? Akhirnya dalam tahun ini, Dato' Menteri Besar dan EXCO meluluskan hak milik tanah empat kampung Orang Asli yang terletak di luar HSKLU.

Kampung Orang Asli Busut, contohnya, menerima 364 hektar tanah di atas tapak penempatan sedia ada dan tambahan 41 hektar lagi dekat HSKLU.

Lebih menghairankan, pemegang taruh di Bukit Cheeding, Pulau Kempas dan Bandar Saujana Putra yang berada di sekitar HSKLU tidak membantah keputusan nyahwarta tersebut, tetapi bantahan muncul dari Kampung Busut Baru.

Ironinya, Kerajaan Negeri sudah menunaikan janji memberi tanah kepada penduduk Orang Asli kampung itu, namun penduduk berkenaan pastinya mempunyai alasan kukuh untuk membantah dan ia wajarlah dihormati.

Kebanyakan daripada kita yang membincangkan topik ini mungkin tidak pernah mendengar nama tempat-tempat berkenaan dan mungkin juga tidak pernah menjejakkan kaki di sana untuk mendapat pandangan komuniti Orang Asli itu.

Sebahagian daripada kita beranggapan Orang Asli di Selangor masih bergantung kepada hutan untuk mendapatkan makanan.

Berlainan sekali dengan tanggapan berkenaan, Orang Asli sebenarnya sudah bersama masyarakat moden negara ini. Malah di Bukit Lanjan, tidak jauh dari pusat beli belah 1 Utama, terdapat penempatan Orang Asli yang besar, majoritinya daripada suku Temuan.

Saya tahu kerana saya sering membantu kumpulan gereja mengedarkan makanan kepada sesetengah anak-anak Orang Asli dari Pahang.

Saya yakin rakyat Malaysia yang membantah penyahwartaan berniat baik kerana kawasan hutan kita semakin kurang dan kita mahu melindungi usaha pemuliharaan air dan tanah, kepelbagaian hayat dan hal-hal berkaitan alam sekitar.

Asalnya, HSKLU adalah hutan simpan paya gambut berusia 8,000 tahun yang berkeluasan 7,200 hektar pada tahun 1927.

Kebijaksanaan sebenar terletak pada usaha mengimbangi penjagaan alam sekitar, pembangunan ekonomi Selangor dan kesediaan tanah bagi tujuan berkenaan.

Tanah adalah urusan negeri dan kuasanya terletak di tangan Kerajaan Negeri seperti yang tertulis dalam Akta Perhutanan Negara 1984.

Premium tanah

Penyokong dan penentang nyahwarta HSKLU mempunyai hujah tersendiri, walau sering terlupa melihat butiran terperinci, tetapi warga Malaysia khususnya rakyat Selangor perlu tahu dan faham fakta-fakta ini.

Untuk makluman, 40 peratus HSKLU sudah merosot akibat penerokaan dan kebakaran selama beberapa tahun. Maka, kawasan ini bukanlah hutan dara dengan aliran air sungai yang jernih dipenuhi ikan dan udang seperti kita semua bayangkan.

Hakikatnya, kira-kira RM2.2 juta sudah dihabiskan hanya untuk menangani kebakaran.

Selain itu, dalam satu hektar kawasan itu, hanya ada lima atau enam pokok besar atau hanya dua atau tiga spesies ditemui berbanding beratus-ratus spesies di dalam kawasan hutan yang sihat, berdasarkan laporan UPM tersebut.

Dalam perdebatan ini tentunya ada orang akan berhujah kita boleh menanam semula dan memulihara hutan rosot.

Namun tidak ramai menyedari Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepatutnya melalui sebahagian kecil kawasan hutan berkenaan iaitu kira-kira 2 peratus keluasan hutan.

Bagaimanapun, rancangan itu diubah kerajaan Perikatan Nasional dan laluan tren sekarang dikembalikan ke jajaran asal di utara Selangor merentasi Gombak.

Kerajaan Selangor memperoleh hasil sebanyak RM2.2 bilion tahun lalu. Premium tanah menyumbang kira-kira RM1.074 bilion, iaitu sekitar 55 peratus, manakala cukai tanah mewakili 25 peratus hasil tersebut atau sebanyak RM542 juta.

Amirudin menghadapi jumlah bayaran saman mahkamah melebihi RM255 juta yang terpaksa ditanggung Kerajaan Selangor saat ini kerana ia kalah dalam tiga perbicaraan berkaitan isu pengambilan tanah ketika pentadbiran Dato' Menteri Besar terdahulu.

Jumlah pampasan yang Selangor perlu bayar akibat pengambilan tanah yang tidak mengikut undang-undang berjumlah RM1.3 bilion. Jumlah RM220 juta itu jumlah yang perlu dibayar Kerajaan Selangor ketika ini.

Malang sekali Dato' Menteri Besar hari ini terpaksa memikul beban kesilapan pendahulunya Tan Sri Khalid Ibrahim.

Dato' Menteri Besar patut menerangkan kepada semua jika benar Selangor, walaupun negeri terkaya di Semenanjung Malaysia, sedang berhadapan kesukaran kewangan kerana ia telah membelanjakan RM1.1 bilion untuk memerangi wabak Covid-19.

Ekonomi yang lembab, walau Selangor menyumbang 23 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), negeri ini hanya mendapat semula kurang 10 peratus daripada kerajaan persekutuan.

Inilah pengajarannya untuk semua ahli politik – menang pilihan raya memang mudah tetapi mentadbir negeri dan mengurus belanjawan lebih sukar.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, Selangor mempunyai 6.55 juta penduduk dengan peningkatan purata 1.5 peratus setiap tahun, bermakna menjelang 2030, 1.05 juta orang lagi akan menjadi penduduk negeri. Saya tidak pasti sama ada pendatang tanpa izin dimasukkan dalam anggaran ini.

Rancangan Fizikal Negara Kedua menyatakan Selangor terletak di tengah-tengah bandar mega termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Seremban.

Perbendaharaan Kerajaan Negeri semakin kurang. Pulau Pinang mengadakan rundingan dengan pemaju untuk menebus guna tanah laut. Minggu lalu, Ketua Menteri Chow Kon Yeow berhasrat menjual tanah dan memindahkan hak milik tanahnya yang belum dimajukan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Katanya, negeri mengutip hasil RM386 juta setakat Jun 2021, atau 76 peratus daripada anggaran hasil tahunan sebanyak RM506 juta, sekali gus mendedahkan hasil tidak dapat dikutip sepenuhnya pada 2021.

Pulau Pinang ketika ini menghadapi kritikan daripada rakyatnya dan badan bukan kerajaan atas dakwaan menghapuskan kawasan perikanan.

Untuk Selangor, cabarannya adalah mendapatkan sumber hasil tatkala kewangan semakin menguncup, membangunkan tanah untuk penduduk yang makin berkembang dan memastikan warga Selangor kekal selamat serta kilang-kilang terus dibuka.

Selangor menghadapi tekanan yang tidak dialami oleh menteri besar atau ketua menteri negeri lain kerana peluang pekerjaan di sini telah menarik jutaan orang ke negeri itu.

Pada masa sama, negeri ini perlu memuaskan tuntutan pengundi yang mahu melindungi hutan sebagai warisan dan alam sekitar. Jika tidak, pokok-pokok yang hilang itu tidak dapat diganti kelak.

Mereka yang bersetuju atau menentang langkah menyahwarta telah mengambil pendirian terlalu kaku berbanding usaha mencari titik tengah – kisah klasik kegagalan melihat keseluruhan hutan kerana hanya nampak pokok (lupa keseluruhan isu tetapi nampak beberapa perkara sahaja).

Justeru apa tindakan pemimpin politik apabila kontroversi ini tidak boleh diselesaikan? Tangguhkan keputusan dan semak semula.

<https://selangorkini.my/2021/09/bijak-imbangi-alam-sekitar-dan-pembangunan-ekonomi/>